


SISTEM Kehadiran Menggunakan Beacon memerlukan penggunaan telefon pintar dan sambungan internet.



PENSYARAH dan pelajar boleh memberi fokus kepada sesi pembelajaran tanpa membuang masa merekod kehadiran.



Pastikan telefon ada sambungan internet, wifi

Sistem Kehadiran Pintar Menggunakan Beacon yang dibangunkan penyelidik Universiti Tenaga Nasional (Uniten) merekod kehadiran pelajar dengan pantas, tepat dan menyokong teknologi hijau.

TATKALA kaki Mohamad Afiq Alias, 25, melangkah masuk ke bilik kuliah di Kolej Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (CSIT), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), data kehadirannya secara automatik akan dicatatkan dalam sistem kehadiran pelajar.

Pelajar tahun dua jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Siber) tersebut hanya perlu mengaktifkan sambungan internet di telefon pintarnya dan log masuk ke aplikasi Uniten Smart University (UniSas).

Aplikasi berkenaan kemudian secara automatik mencatat kehadirannya dalam sistem kehadiran

pensyarah yang menggunakan Sistem Kehadiran Pintar Menggunakan Beacon.

“Seiring dengan perkembangan teknologi, kini data kehadiran saya ke kuliah dicatatkan dengan pantas dan mudah.

“Tiada lagi masalah terlupa tandatangan kehadiran semasa menghadiri kuliah dan saya hanya perlu pastikan telefon pintar mempunyai sambungan internet atau wifi,” ujarnya yang berasal dari Ampang, Selangor.

Terdahulu, sistem yang



SISTEM Kehadiran Menggunakan Beacon yang dibangunkan penyelidik Uniten bekerjasama dengan syarikat Rocket Web Sdn. Bhd.

digunakan universiti berkenaan memerlukan Mohamad Afiq dan rakan-rakan sekuliahnya menurunkan tandatangan pada kertas kedatangan yang diedarkan atau perlu menunggu pensyarah memanggil nama untuk pengesahan kehadiran.

Aplikasi

Kini, para pelajar dikehendaki berada sekurang-kurangnya 80 peratus daripada keseluruhan tempoh kelas berlangsung bagi memastikan mereka disahkan hadir.

Oleh kerana projek tersebut masih di peringkat percubaan beta, ia hanya digunakan di fakulti CSIT dan Mohamad Afiq sendiri menggunakan aplikasi (UniSas) untuk dua kelasnya pada semester ini.

Sistem Kedatangan Pintar

Menggunakan Beacon tersebut dibangunkan oleh tiga orang penyelidik dari Uniten dan diketuai oleh Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Perisian, CSIT, Uniten, Muhammad Sufyian Mohd. Azmi.

“Projek yang mula dibangunkan pada pertengahan tahun lalu ini adalah kerjasama Uniten bersama syarikat Rocket Web Sdn. Bhd menggunakan geran yang diberikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Uniten untuk menjadikan institusi pengajian tinggi itu sebagai universiti pintar di bawah program UniSas.

“UniSas adalah cetusan idea Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB sendiri iaitu Datuk Seri Ir. Azman Mohd. yang mahu menjadikan Uniten sebagai

model kampus pintar,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Uniten, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Terdapat banyak projek di bawah program UniSas dan salah satu daripadanya adalah Sistem Kedatangan Pintar Menggunakan Beacon.

Sistem pertama

Muhammad Sufyian yang merupakan graduan Sarjana Kejuruteraan Perisian Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, beacon merupakan peranti Bluetooth Tenaga Rendah (4.0) dan sistem kedatangan menggunakan teknologi tersebut sudah mula digunakan di Eropah.

Menariknya, sistem kedatangan yang dibangunkan pasukan penyelidik Uniten tersebut adalah yang pertama di Malaysia dan diharap dapat diimplimentasi dalam industri negara.

Jelas beliau, sistem tersebut dibangunkan selepas melihat cara sedia ada iaitu memanggil nama pelajar setiap kali bermula kelas atau mengedarkan helai tandatangan untuk ditandatangani oleh pelajar mengganggu waktu pembelajaran.

Teknik biasa yang digunakan untuk mencatatkan kehadiran di kebanyakan organisasi seperti teknologi Radio Frequency Identification (RFID), imbasan kod QR



MUHAMAD AFIQ



MUHAMMAD SUFYIAN

